

# Penuntut UTHM ajar pelajar sekolah asas pertolongan cemas



Penuntut UTHM dan pelajar Sekolah Sains Batu Pahat bergambar kenangan setelah mereka berjaya menamatkan program.

**BATU PAHAT** - Asas pertolongan cemas perlu ada pada setiap individu kerana bantuan awal dapat diberikan jika berlaku kecemasan bagi menyelamatkan nyawa seseorang.

Pengajar Program Asas Pertolongan Cemas Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Nur Atiqah Abd Shukor berkata, disebabkan itu, ilmu

asas pertolongan cemas penting bermula di alam persekolahan lagi di mana phaknya menggalakkan aktiviti luar penuntut dengan seramai 80 pelajar Sekolah Sains Batu Pahat.

Katanya, melalui program tersebut, mereka diajar ilmu berkaitan pertolongan cemas antaranya memasang anduh untuk tangan patah, membaliut luka atau kecederaan dan

melakukan bantuan pernafasan.

Dengan melibatkan pelajar sekolah, mereka akan berani ke hadapan membantu apabila berlakunya kes kecemasan. Sekurang-kurangnya mereka dapat memberi bantuan awal sebelum pasukan penyelamat tiba," katanya selepas program Bengkel Asas Pertolongan Cemas UTHM.

Katanya, program pertolongan cemas merupakan antara subjek yang perlu diambil penuntut UTHM melalui unit kokurikulum sebelum mereka menamatkan pengajian.

Menurutnya, penuntut akan belajar selama satu semester di mana mereka akan belajar dalam kelas dan latihan praktikal.

"Ianya turut dijalankan melalui

aktiviti komuniti dan University Industrial Community Engagement, yang melibatkan komuniti setempat apabila mereka menjalankan aktiviti luar.

"Sekurang-kurangnya apabila penuntut UTHM mengetahui asas pertolongan cemas, mereka dapat menggunakan ilmu dimiliki kepada masyarakat setempat," katanya.